c ). **Penggantungan kerja** [Klausa 50, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203 dan 203 A (Rev.2007).

d ). **Arahan-arahan yang diberi oleh P.P.** berbangkit dari pertikaian dengan tuan-tuan punya berjiran dengan syarat ianya tidak disebabkan oleh apa-apa perbuatan **kecuaian atau kemungkiran di pihak Kontraktor atau mana-mana Subkontraktor yang Dinamakan atau selainnya.**

e ). **Arahan-arahan P.P. [klausa 5, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203 dan 203 A (Rev.2007)**

f ). Kontraktor telah **tidak menerima dalam masa yang wajar daripada P.P., apa-apa arahan, pelan, aras yang diperlukan atau arahan berkenaan dengan penamaan Subkontraktor dan/atau penamaan Pembekal yang diperuntukkan di dalam Kontrak, setelah Kontraktor memohon secara bertulis untuk mendapatkannya dalam tempoh yang munasabah.**

# LANJUTAN MASA ( EOT )

**Sebab-sebab Lanjutan Masa**

g ). **Kelambatan memberi milik Tapak Bina** sebagaimana diperuntukkan di bawah Klausa 38.4, Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203 dan 203A (Rev.2007) dan bukannya disebabkan kelewatan/kegagalan Kontraktor menyediakan insurans dan Bon Pelaksanaan.

h ). **Kelambatan di pihak artisan, tukang-tukang atau orang-orang lain yang ditugaskan oleh Kerajaan** bagi melaksanakan kerja yang tidak menjadi sebahagian dari Kontrak.

i ). **Kontraktor tidak berupaya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dikawal dan diramalkan olehnya dengan munasabahnya pada tarikh penutupan tender untuk mendapatkan apa-apa barang atau bahan yang diperlukan untuk menjalankan Kerja dengan sewajarnya.**

j ). **Kelambatan di pihak Subkontraktor Dinamakan dan/atau Pembekal Dinamakan** melaksanakan kerja mereka dan kelambatan yang menjejaskan kerja mereka itu adalah disebabkan oleh sebab-sebab yang sama sebagaimana dinyatakan dalam perkara (a) hingga (i) di atas.

## LANJUTAN MASA ( EOT )

**KELAYAKAN KONTRAKTOR**

1. Sekiranya kontraktor didapati layak untuk mendapat lanjutan masa, maka **Pegawai Penguasa (P.P.) perlulah meluluskan lanjutan masa itu sebelum berakhirnya tarikh penyiapan yang dibenarkan dalam kontrak.**

2. Sekiranya P.P. gagal berbuat demikian, maka adalah dikhuatiri **masa bukan lagi menjadi teras kepada kontrak** tersebut dan kontraktor hanya bertanggungan untuk menyiapkan kerja dalam tempoh yang munasabah (*time is at large*).

### Mengelakkan Kelambatan

Langkah mesti diambil untuk memastikan kelewatan perlaksanaan dan penyiapan Kerja tidak **berpunca daripada pihak Kerajaan**. Ini adalah kerana sekiranya didapati kelewatan penyiapan projek adalah berpunca daripada pihak Kerajaan, maka ia akan menyebabkan kontraktor berhak untuk menuntut kerugian dan perbelanjaan tambahan terhadap Kerajaan.

## PERMOHONAN LANJUTAN MASA ( EOT )

**Untuk dipertimbangkan permohonan lanjutan masa, sebaik sahaja Kontraktor menjangkakan akan berlaku kelambatan atau sejurus setelah kelambatan berlaku, Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk mengemukakan kepada P.P. perkara-perkara berikut:**

- Permohonan atau notis bertulis beserta maklumat-maklumat berkaitan dan dokumen sokongan perlulah dikemukakan seberapa segera dari tarikh dijangka berlaku kelambatan.

- **Permohonan Kontraktor hendaklah disokong dengan perkara-perkara berikut antaranya:**

  i ). **Justifikasi kelewatan secara terperinci** dan ringkasan umum kejadian yang menyumbang kepada kelewatan.

  Ii ).**Tahap kemajuan sebenar di tapak bina** dengan mengambil kira aktiviti-aktiviti serta bilangan hari yang terlibat yang lewat yang disumbangkan oleh pihak Kerajaan mahupun kontraktor.

  iii ).**Program kerja Kontraktor** menunjukkan perancangan asalnya berserta dengan kemajuan sebenar di tapak bina dan menunjukkan kesan kelewatan berhubung dengan aktiviti atau peristiwa yang disumbang oleh Kerajaan mahupun kontraktor.

  iv ).**Bilangan hari yang lambat dan bilangan hari yang dipohon** dengan menunjukkan perkiraan berdasarkan kepada peristiwa atau aktiviti sebenar di tapak bina.

  v ).**Klausa syarat-syarat kontrak** yang membolehkan kontraktor diberikan lanjutan masa.

  vi ).Dokumen-dokumen sokongan lain yang perlu bagi membantu P.P. membuat satu pandangan yang bernas berhubung dengan permohonan lanjutan masa kontraktor.

- **Lanjutan tempoh liputan polisi insurans, bon pelaksanaan dan jaminan wang pendahuluan (jika berkaitan).**

# PENILIAN TEMPOH LANJUTAN MASA ( EOT )

- Dalam menilai tempoh kelambatan dan lanjutan masa, beberapa perkara perlu diberi perhatian:-
  - **Sebab-sebab kelambatan yang dikemukakan oleh Kontraktor** hendaklah dikaji sama ada dibenarkan di bawah Kontrak.
  - **Tentukan masa tambahan** yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kerja tersebut.
  - **Ambil kira juga kemajuan sebenar di tapak bina** dengan mengambilkira kemungkiran di pihak Kontraktor sendiri di samping kemungkiran yang disumbangkan oleh Kerajaan.
  - **Tentukan kelambatan sebenar (*nett effective delay*)** yang dialami dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:-
    - » Tempoh peristiwa-peristiwa yang bertindih atau yang berjalan serentak yang didapati melewatkan penyiapan kerja tersebut.
    - » Bagi kelewatan yang bertindih, penilaian perlu mengambilkira kemajuan kerja sebenar pada waktu peristiwa yang melewatkan kerja tersebut berlaku.

**Bagi kelewatan yang disebabkan oleh perubahan kerja,** tempoh dinilai adalah hanya yang berkaitan dengan kesan **kelewatan akibat pengeluaran arahan tersebut sahaja.** Penilaian ini tidak termasuk kerja-kerja lain yang berkaitan dengan arahan tersebut dimana sepatutnya telah diambilkira di dalam tempoh kontrak asal kecuali bagi kerja-kerja baru yang tidak termasuk dalam skop kontrak asal.

# PERTIMBANGAN KELULUSAN EOT

- **Pertimbangan lanjutan masa boleh dipertimbangkan oleh P.P. sekiranya Kontraktor telah mengambil langkah-langkah berikut:**
  - Mencuba sedaya upaya untuk mengelakkan kelambatan
  - Merancang semula program kerja untuk membendung kelambatan dengan mengambilkira keperluan sumber (bahan binaan, kewangan, loji & peralatan dan tenaga kerja)
  - Mengemukakan jadual pelaksanaan asal dan pindaan dalam bentuk CPM.
  - Kontraktor perlu membuat permohonan bertulis dengan menyatakan sebab-sebab kelambatan, ringkasan umum kejadian yang menyumbang kepada kelambatan serta dibuktikan dengan dokumen sokongan dan analisa kelambatan.

## ASAS PERTIMBANGAN EOT

- **Lanjutan masa untuk keburukan cuaca luar biasa** hanya boleh diberi pertimbangan sekiranya terbukti ianya luar biasa dengan berdasarkan kepada bukti seperti berikut:
  - Rekod-rekod kajicuaca untuk beberapa tahun terdahulu daripada Jabatan Kajicuaca atau Jabatan Pengairan Dan Saliran (seboleh- bolehnya tidak kurang dari tiga tahun).
  - Bagi yang melibatkan kerja tanah, peruntukan harus diberi bagi masa tambahan yang diperlukan untuk pengaliran dan/atau pengeringan kawasan bertakung atau lembap.
- **Lanjutan Masa atas sebab masalah mendapatkan bahan-bahan binaan** boleh dipertimbangkan :
  - Terdapat bukti secukupnya mengenai kekurangan bahan binaan dalam pasaran semasa negara.
  - Kontraktor telah membuat pesanan pada tempoh yang munasabah sebelum sesuatu bahan tersebut diperlukan di tapak bina.
- **Lanjutan Masa disebabkan oleh penangguhan Kerja** di bawah Klausa 43.1(c) Syarat-syarat Kontrak P.W.D. FORM 203 dan 203A (Rev. 2007) boleh dipertimbangkan dengan syarat:-
  - Kontraktor perlu memohon lanjutan masa khusus dibawah Klausa ini.
  - Arahan penangguhan Kerja mestilah berasaskan kepada sebab-sebab yang munasabah yang menyebabkan kerja-kerja di tapak bina tidak boleh dilaksanakan atau diteruskan seperti masalah pengambilan tanah, peruntukan kewangan projek, masalah pengalihan utiliti dan lain-lain yang berkaitan.
  - Kontraktor tidak berhak diberi lanjutan masa sekiranya penangguhan itu akibat daripada kemungkiran pihak Kontraktor.

## PENANGGUHAN KERJA BERTERUSAN

Jika sekiranya penangguhan kerja dijangka berterusan melebihi **dua belas ( 12 ) bulan**:-

kedua-dua belah pihak kontraktor dan Kerajaan perlulah berunding bagi memutuskan

1. **Sama ada untuk menamatkan pelaksanaan kontrak secara bersama ( Mutual Termanation )**

2. **Menangguhkan kerja ke jangkamasa yang lebih panjang- ( Memberikan EOT )**

## JAWATANKUASA LANJUTAN MASA ( JKLM )

- **Pegawai Dinamakan** hendaklah mengambilkira perakuan serta keputusan JKLM dalam menimbang permohonan Kontraktor.
- Walau bagaimanapun, **Pegawai Dinamakan hendaklah membuat keputusan atas sifatnya sebagai Pegawai Yang Diberi Kuasa dalam Kontrak untuk bertindak bagi pihak Kerajaan dengan bebas, adil dan saksama.** Oleh itu, sebarang keputusan yang dimaklumkan oleh Pegawai Dinamakan kepada Kontraktor hendaklah tidak merujuk kepada perakuan JKLM bagi mengelakkan keadaan tersebut

**Sekiranya tarikh penyiapan yang dibenarkan di dalam Kontrak akan berakhir dan Pegawai Dinamakan mendapati dan berpendapat tiada lagi asas yang kukuh sejajar dengan Syarat-syarat Kontrak untuk lanjutan masa diberikan, maka Pegawai Dinamakan hendaklah memulakan proses pengeluaran Perakuan Kerja Tidak Siap sebagaimana yang diperuntukkan dalam Syarat-syarat Kontrak bagi mengenakan Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan terhadap Kontraktor demi memastikan masa terus menjadi teras kepada Kontrak.**

## WANG TAHANAN / CAGARAN

- **Polisi-polisi Insurans Dan Bon Pelaksanaan.**
  - **Kontraktor mestilah diminta** untuk melanjutkan tempoh liputan polisi-polisi insurans, Bon Pelaksanaan dan Jaminan Wang Pendahuluan yang belum dibayar balik sepenuhnya kepada satu tarikh yang dijangka siap serta mengemukakan pengesahan (*endorsement)* dan resit rasmi.
  - **Jika Kontraktor gagal memperbaharui polisi-polisi insurans,** P.P. hendaklah menggunakan haknya dibawah Kontrak untuk melanjutkan tempoh liputan insurans tersebut kepada satu tempoh yang dijangkakan kontraktor boleh menyiapkan keseluruhan kerja. P.P. akan menuntut kos bayaran premium yang terlibat yang ditambah dengan kos caj ke atas kos bayaran premium tersebut (*on-cost charges*) sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak.

CLAUSE

## 44 CLAIM FOR LOSS & EXPENSE

44.1 Contractor to give notice of intention to claim & cost to S.O within 30 days after the event of delay

44.2 Contractor to give full details of claim within 90 days after Practical Completion to S.O for further action. Amount of loss & expense to be added to Contract Sum

44.3 If Contractor fails to comply the above, they are not entitle & govt to be discharge from all liability

CLAUSE

## 45 INVESTIGATION BY GOVT & OTHER PERSONS

Contractor to facilitate & assist the investigation to determine the cause of reason of accident, failure or other event.

**- Audit SPB, DOSH, Alam Sekitar, PDRM, Jab. Warisan dan PBT**

CLAUSE

## 46 ACCESS FOR WORKS, ETC.

46.1 **Access for S.O.**

(a) S.O or authorised shall have access to Works & other related locations where goods being prepared for the Contract

(b) Contractor to facilitate the above access

(c) Replacement of removed personnel from site shall be without delay

46.2 **Access for other contractors & workmen**

Contractor to facilitate access to other person engaged by govt & workmen & other authorities for purpose of executing the work.

CLAUSE

**47**

## SUB-CONTRACT OR ASSIGNMENT

47.1 Contractor to get approval of S.O to sub-contract the design for any portion of works

47.2/3 For sub-contracting part of works, Contractor to be liable & responsible for action of sub-contractor

47.4 Sub-contractor shall be automatically terminated once Contractor is terminated. Govt shall not entertain any claim ( to be part of sub-contract condition)

47.5 If sub-contract being appointed w/out S.O approval, S.O has rights to instruct to terminate w/out any claim

47.6 Assignment to banker or financial institution to get approval from S.O.

CLAUSE

**48**

## DEFECTS AFTER COMPLETION

48.1 **Completion of Outstanding Work & Remedying Defects**

(a) Contractor to repair defects with own cost in DLP
(b) S.O shall list defects in Schedule of Defects for Contractor to repair not later than 14 days after DLP expires. Repair to be done in 3 months after receipt of notice.

48.2 **Default in Remedying Defects**

Failure to comply, S.O. may deduct from any money due or recover from PB or become debt to Contractor

48.3 **Diminution in Value of Works**

If S.O feels not practical for Contractor to remedy defects, amount to be recovered from PB or become dept to Contractor

CLAUSE

**48**

## DEFECTS AFTER COMPLETION (cont'd)

48.4 **Certificate of Completion of Making Good Defects (CMGD)**

Issued the day Contractor completed making good such defects & other faults

**Kecacatan, kekecutan dan kerosakan lain yang mungkin kelihatan pada Kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang disebabkan oleh bahan atau mutu Kerja yang tidak menepati kontrak, hendaklah diperbaiki oleh Kontraktor atas perbelanjaannya sendiri.**

## TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN ( DLP )

– **Jika Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan yang telah diarahkan oleh**

- P.P. dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan atau seperti yang tersenarai di dalam Jadual Kecacatan dalam tempoh masa yang telah diberi untuk berbuat demikian, **tindakan segera hendaklah diambil untuk memperbaiki kecacatan tersebut dengan cara lain sepertimana yang diperuntukkan dalam Syarat-Syarat Kontrak.**

- Kos perbelanjaan yang terlibat termasuk caj ke atas kos perbelanjaan yang terlibat (*on-cost charges*) seperti yang diperuntukkan dalam Lampiran Kepada Syarat-Syarat kontrak berhubung dengan kemungkiran kontraktor

- Jika Kontraktormembaiki kecacatan tersebut, kerja tersebut boleh di buat oleh pihak lain dengan **memotong dari baki wang yang kena dibayar kepadanya, potongan atau tuntutan daripada Bon Perlaksanaan, atau potongan daripada Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan, atau dituntut sebagai hutang daripada kontraktor.**

## MEMBAIKI KECACATAN SEMASA TEMPOH DLP

- Di mana **pemeriksaan bersama** menunjukkan terdapat kecacatan, kecacatan tersebut hendaklah dikenal pasti dan satu Jadual Kecacatan hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Kontraktor dalam masa **empat belas (14) hari** dari tarikh **tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.**

- Kontraktor hendaklah diarahkan untuk membaiki kecacatan tersebut dalam tempoh masa yang berpatutan tetapi tidak **lewat daripada tiga (3) bulan, dari tarikh penerimaan Jadual Kecacatan tersebut.**

- Pemeriksaan bersama hendaklah diadakan sekali lagi pada tarikh **tamat tempoh masa yang diberikan kepada Kontraktor untuk membaiki kecacatan atau setelah tamatnya tempoh tiga (3) bulan yang mana terdahulu, dan satu Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan jika semua kecacatan telah diperbaiki.**

## SIJIL SIAP MEMBAIKI KECACATAN ( CMGD )

- **Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan** hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya hendaklah juga diedarkan kepada semua pihak sepertimana yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut dan pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak.

- **Pengeluaran Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan menandakan tamatnya obligasi Kontraktor di bawah Kontrak.** Liabiliti Bank, syarikat Insurans atau Syarikat Kewangan yang menjadi penjamin Bon Pelaksanaan, atau baki Wang Jaminan Perlaksanaan hendaklah juga dilepaskan.

CLAUSE

## 49 UNFULFILLED OBLIGATIONS

Contract deemed to remain in force & both parties to fulfill the obligation in Contract

Penilaian kepada Bahan/ Barang-Barang Takpasang

Kontraktor Utama

Selaras dengan Syarat-syarat Kontrak, nilai bahan atau barang- barang takpasang yang boleh diambilkira dalam penilaian adalah sehingga 90% tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

Diberi perlindungan yang cukup daripada kerosakan

Tidak diserahhantar terlalu awal ke tapak bina
Tidak merangkumi kerja-kerja sementara seperti kerja acuan (*formwork*)
Harga bahan atau barang-barang takpasang berdasarkan harga pasaran semasa dan tidak melebihi kadar Harga Kontrak.

Subkontraktor

Bagi bahan-bahan yang dibekalkan oleh Subkontraktor Dinamakan, peratus bayaran adalah menurut peruntukan Syarat-syarat Kontrak Utama. Nilai bahan/barang-barang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Perakuan Bayaran Interim.

CLAUSE

## 50 SUSPENSION OF WORKS

50.1 **Suspension & Resumption of Works**

(a) S.O may instruct Contractor to suspend part or all of the works anytime
(b) Contractor shall suspend the work & protect & secure against loss & damage
(c) Continue all obligations in Contract such as insurance
(d) S.O may instruct to resume works thereafter & make good defects

50.2 **EOT**

Contractor to notify for EOT for approval. If suspension continue for more than 12 months, parties to discuss whether to terminate the Contract or suspend the works further.

## PENGGANTUNGAN KERJA

- Pegawai yang diberi kuasa di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak **boleh pada bila-bila masa mengarahkan kontraktor untuk menggantungkan sebahagian atau keseluruhan kerja.**

- Setelah menerima arahan bertulis, kontraktor **hendaklah menggantung sebahagian atau keseluruhan kerja untuk tempoh tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam arahan tersebut dan hendaklah sewajarnya melindungi, menyimpan dan mengawasi/menjamin keselamatan (*secure*) kerja-kerja atau sebahagian kerja daripada sebarang kesusutan, kehilangan atau kerosakan.**

- **Dalam tempoh penggantungan tersebut**, kontraktor hendaklah meneruskan pelaksanaan obligasinya di bawah kontrak. Bagi kerja-kerja yang tidak terlibat dengan penggantungan kerja, kontraktor hendaklah meneruskan pelaksanaan kerjanya termasuk obligasinya di bawah kontrak serta memastikan tempoh Insurans dan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa.

- Kerajaan boleh mengarahkan kontraktor menyambung semula kerja pada bila- bila masa. Sebaik sahaja menerima arahan, Kontraktor perlulah menyambung semula kerja dan kedua-dua belah pihak perlu membuat pemeriksaan yang bersama kerja yang terlibat daripada penggantungan kerja tersebut. Kontraktor hendaklah membaiki segala **kesusutan atau kecacatan atau kerugian ke atas kerja tersebut yang berlaku sepanjang tempoh penggantungan.** Kontraktor perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan perbelanjaan yang terlibat.

## KELEWATAN KERJA DI SEBABKAN OLEH PENGGANTUNGAN KERJA

- Sekiranya kontraktor mengalami kelewatan dan/atau mengalami kerugian di dalam **mematuhi arahan di bawah klausa 50.1(a)** dan penyambungan kerja dan jika sebarang kelewatan dan/atau kerugian sekiranya yang tidak dapat dijangkakan oleh kontraktor, **Kontraktor mesti memberi Notis Untuk Lanjutan Masa.**

- Kontraktor tidak layak diberi Lanjutan Masa sekiranya penggantungan kerja disebabkan oleh kesalahan Kontraktor sendiri, dan ia tidak akan dipertimbangkan untuk **pembayaran ke atas perbelanjaan dan kerugian** jika kontraktor :

- Gagal untuk mengambil langkah-langkah yang ditetapkan di dalam klausa 50.1(b)
- Gagal untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan perbelanjaan yang terlibat.
- Dalam keadaan dimana penggantungan berterusan sehingga melebihi tempoh 12 bulan, pihak-pihak yang terlibat hendaklah berbincang samada **untuk menamatkan kontrak secara Penamatan Bersama atau melanjutkan tempoh penggantungan kerja ( EOT ).**

Sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk melaksanakan penamatan bersama di **bawah klausa ini:**

Klausa 51.1(c)(i)[23] hendaklah digunapakai;dan Obligasi bayaran termasuk semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh kontraktor hendaklah ditentukan sebagaimana yang diperuntukan di bawah klausa 54.

CLAUSE

**51**

## EVENTS & CONSEQUENCES OF DEFAULT

51.1 **Default of Obligation**

(a) In the event of Default *as listed*, Officer shall give written notice to Contractor specifying the default & require to remedy within 14 days from receipt of the notice

(b) If Contractor fails to remedy, Officer shall have right to terminate this Contract by giving written notice

(c) Actions to be taken upon termination: *As listed*

51.2 **General Default**

(a) Happens any time during Contract Period, Govt shall have rights to terminate & nothing shall render Govt to be liable for payments upon termination.

CLAUSE

**52**

## TERMINATION ON NATIONAL INTEREST

Govt to give 30 days written notice on termination & shall be final & shall not be challenged. Payments & actions to take place.

CLAUSE

**53**

## TERMINATION ON CORRUPTION

Govt to give written notice on termination upon giving or offering bribe on Contractor's personnels, servants, agents etc. Payments & actions to take place.

CLAUSE

**54**

## PAYMENTS UPON TERMINATION

Payments upon termination due to Govt's prerogative (clause 50 & 52) shall be made in accordance to Contractor *As listed*. Hence Final Account shall be prepared & issued by S.O.

# PENAMATAN OLEH PIHAK KERAJAAN

– **Kemungkiran Kontraktor Dan Hak Kerajaan Untuk Menamatkan Pengambilan Kerjanya.**

- Syarat-syarat Kontrak dengan khususnya telah memperuntukkan kepada kerajaan hak untuk **menamatkan pengambilan kerja kontraktor di mana kontraktor telah melakukan kemungkiran dalam memenuhi obligasinya di bawah kontrak atau menyebabkan dirinya tidak berupaya meneruskan dan menyiapkan kerja.** Kerajaan berhak untuk menamatan pengambilan kerja Kontraktor boleh dilakukan atas dua sebab kemungkiran oleh Kontraktor seperti berikut:
  - Kemungkiran Menunaikan Tanggungjawab
  - Kemungkiran Am

– **Kemungkiran Menunaikan Tanggungjawab**

- Kontraktor di anggap melakukan kemungkiran menunaikan tanggungjawab atas sebab-sebab berikut:
  - Gagal memulakan Kerja di tapak dalam tempoh 2 minggu selepas tarikh milik tapak bina; atau
  - Menggantung atau meninggalkan keseluruhan Kerja atau sebahagiannya sebelum tarikh siap kerja; atau
  - Gagal meneruskan Kerja dengan mengikut aturan dan tekunnya; atau

# PENAMATAN OLEH PIHAK KERAJAAN

- Gagal melaksanakan Kerja mengikut Kontrak; atau
- Kecuaian berulangkali menunaikan obligasinya di bawah kontrak; atau
- Enggan atau berulangkali cuai mematuhi suatu notis bertulis daripada P.P. berkaitan mana-mana kecacatan Kerja, atau peralatan dan bahan- bahan yang tidak memenuhi kehendak Kontrak; atau
- Gagal mematuhi peruntukan-peruntukan klausa 47 atau
- Gagal mematuhi apa-apa terma dan peruntukan di dalam Kontrak.

- Pegawai Yang Diberi kuasa di Lampiran Kepada Syarat-syarat **Kontrak hendaklah memberi notis bertulis kepada kontraktor dengan menyatakan tindakan kemungkiran kontraktor dengan merujuk kepada klausa/klausa-klausa yang berkaitan, dan kontraktor dikehendaki membaiki kemungkiran tersebut dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh penerimaan notis kemungkiran atau sebarang tempoh yang telah ditetapkan.** Sekiranya kontraktor gagal membaiki kemungkiran dalam tempoh yang ditetapkan, Pegawai tersebut berhak menamatkan kontrak dengan memberi notis secara bertulis.

# KESAN PENAMATAN

- **Kesan Penamatan sekiranya perjanjian ditamatkan** di bawah klausa 51.1(b)[4] Syarat-syarat **Kontrak P.W.D 203/203A (Rev. 2007**) seperti berikut:
  - **Kontraktor hendaklah :**
    - » **Dengan serta merta** memberhentikan semua aktiviti
    - » **Mengambil langkah-langkah** untuk melindungi tapak bina, Kerja-kerja yang telah disiapkan, peralatan, barang-barang, bahan-bahan daripada sebarang kesusutan, kerugian atau kerosakan dan melaksanakan kerja- kerja yang sepatutnya supaya tapak bina berada di dalam keadaan bersih dan kemas;
    - » **Mengeluarkan kakitangan dan pekerja** dari tapak bina;
    - » **Mengosongkan tapak bina di dalam tempoh yang dinyatakan oleh P.P., mengeluarkan semua bangunan sementara, loji, alat, perkakas, barang- barang dan bahan tak pasang yang belum di bayar oleh kerajaan seperti yang ditentukan oleh P.P**.. Jika Kontraktor gagal, kerajaan boleh (tetapi tidak bertanggungjawab ke atas apa jua kerugian atau kerosakan) mengeluarkan dan menjual mana-mana harta kepunyaan kontraktor, menyimpan hasil jualan itu selepas ditolak segala kos yang terlibat sebagai kredit kepada kontraktor;

# KESAN PENAMATAN

- Kontraktor juga boleh sama ada :
  - » **Menamatkan semua kontrak dengan pihak ketiga** yang terlibat dengan kontrak ini atau;
  - » **Menyerahhak kepada Kerajaan jika dikehendaki oleh P.P. tanpa kos dan perbelanjaan kepada kerajaan,** faedah yang diperolehi daripada sebarang perjanjian untuk membekal bahan-bahan atau barang-barang dan/atau pelaksanaan mana-mana kerja atau perkhidmatan untuk tujuan kontrak ini atau;
  - » **Membenarkan pihak ketiga untuk memasuki kontrak dengan Kerajaan atau mana-mana pihak** yang difikirkan perlu untuk menyiapkan Kerja ini dengan syarat **Kerajaan tidak bertanggungjawab membayar kepada pihak ketiga untuk sebarang bahan atau barang yang dihantar atau sebarang kerja yang dilaksanakan atau perkhidmatan untuk tujuan kontrak ini (sama ada sebelum atau selepas tarikh penamatan) dimana kerajaan telah membayar tetapi kontraktor gagal membuat bayaran kepada pihak ketiga.**
  - » **Tanpa sebarang kos kepada kerajaan**, menyerahkan kepada kerajaan semua pelan, rekabentuk, spesifikasi dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan Kerja;
  - » **Membayar kepada Kerajaan mana-mana kerugian atau kerosakan akibat penamatan kontrak ini** mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah klausa 55 .

## KESAN PENAMATAN

Tidak dilepaskan sebarang tanggungjawab di bawah kontrak ini. Apabila penamatan pengambilan kerja kontraktor dilakukan, Kerajaan hendaklah:

» **Menuntut Bon Pelaksanaan atau merampas Wang Jaminan Pelaksanaan;**

» **Memasuki dan memiliki semula tapak bina;**

» **Berhak menjalankan dan menyiapkan Kerja samada oleh jabatan sendiri atau melantik pihak lain untuk menyiapkan Kerja;** dan

» **Berhak untuk membuat tuntutan ke atas kontraktor** bagi apa-apa kerugian, kos, perbelanjaan dan kerosakan yang dialami kesan dari penamatan kontrak ini mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah klausa 55.

## KEMUNGKIRAN AM

- **Sekiranya kontraktor melakukan Kemungkiran Am Kerajaan berhak untuk menamatkan Kerja Kontraktor dibawah kontrak melalui satu notis yang dihantar kepada kontraktor. Kemungkiran Am boleh disebabkan sekiranya pada bila-bila masa sepanjang tempoh Kontrak :**
  - kontraktor menjadi bankrap;atau
  - menjadi taksolven (tidak mampu membayar hutang) atau membuat penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan mereka itu; atau
  - menyebabkan suatu perintah penggulungan dibuat terhadapnya; atau
  - Mempunyai seorang penyelesai, penerima atau pengurus sementara bagi urusan atau pengusahaannya yang dilantik dengan sewajarnya, atau menyerahkan pemilikan supaya diambil oleh atau bagi pihak pemiutang- pemiutang atau pemegang-pemegang debentur bercagar dengan gadaian terapung akan apa-apa harta yang terkandung dalam gadaian terapung atau tertakluk kepada gadaian terapung itu; atau
  - Pelaksanaan levi ke atas sebahagian besar aset kontraktor.
- **Kesan-kesan Penamatan disebabkan Kemungkiran Am :**
  - Klausa 51.1 (c)(i) dan 51.1(c)(ii) akan digunapakai jika penamatan Kontrak dilaksanakan di bawah klausa 51.2[9].
  - Tiada apa jua dalam klausa 51.2 atau mana-mana bahagian di dalam kontrak ini yang mengikat kerajaan dalam apa jua cara yang menyebabkan Kerajaan bertanggungjawab ke atas pembayaran akibat penamatan.

## KESAN DARIPADA KEMUNGKIRAN AM

- Bayaran Akibat Penamatan mengikut tatacara yang diperuntukan di bawah Klausa 50 atau 52
  - Sekiranya **kontrak ditamatkan di bawah klausa-klausa ini,** baki kerja yang perlu dibayar kepada Kontraktor meliputi perkara-perkara berikut :
    - » **Nilai keseluruhan kerja yang telah dilaksanakan** sehingga tarikh penamatan.
    - » **Jumlah yang kena dibayar yang berkaitan** dengan kerja-kerja awalan atau Kerja atau perkhidmatan yang telah dilaksanakan dengan sempurna boleh dibayar mengikut nisbah yang munasabah
    - » **Kos bahan-bahan atau barang-barang yang ditempah dengan munasabah bagi kerja ini** yang telah dihantar kepada Kontraktor atau yang mana Kontraktor bertanggungjawab menerima penghantaran tersebut (bahan-bahan atau barang-barang tersebut akan menjadi hak Kerajaan setelah bayaran dibuat kepada Kontraktor).
    - » **Suatu amaun bagi sebarang perbelanjaan yang ditanggung oleh Kontraktor** di dalam menyiapkan keseluruhan Kerja selagi perbelanjaan tersebut belum dibayar melalui mana-mana bayaran berdasarkan sub- klausa ini.
- **Kos yang munasabah** untuk melindungi kerja dan mengeluarkan peralatan dan kemudahan di tapak bina akibat dari penamatan seperti yang diperuntukkan dalam Kontrak ini.
- Dengan syarat amaun yang dibayar oleh Kerajaan hendaklah terhad kepada item yang dijelaskan dan termaktub di dalam Klausa yang dinyatakan dalam sub-klausa (i) – (v) .
  - Setelah Kontrak **ditamatkan di bawah Klausa 50 atau Klausa 52, Perakuan Muktamad Kontrak ini hendaklah disediakan dan dikeluarkan oleh P.P..**

## KEMUNGKIRAN AM

- Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan
  - Sebaik sahaja urusan bagi menyiapkan Kerja dibuat oleh Kerajaan yang **membolehkan P.P membuat penilaian yang tepat dan munasabah bagi kos yang muktamad kepada Kerajaan untuk menyiapkan kerja berikutan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dan perlantikan Kontraktor atau individu lain,** dan kerugian langsung dan / atau kerosakan kepada Kerajaan disebabkan oleh penamatan yang telah ditentukan oleh P.P., maka P.P. boleh mengeluarkan Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan dengan menyatakan Kos Penyiapan dan Harga Kontrak Asal Terlaras
  - Pengiraan Kos Penyiapan meliputi perbelanjaan yang berikut:
    - » Jumlah bayaran yang telah dibayar kepada Kontraktor oleh Kerajaan;
    - » Jumlah yang dibayar atau kena dibayar kepada Kontraktor atau individu lain yang dilantik oleh Kerajaan untuk menyiapkan Kerja;
    - » Jumlah yang dibayar kepada Sub-Kontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan
    - » Lain-lain kos atau perbelanjaan mempelawa semula tender yang ditanggung atau akan ditanggung termasuk caj ke atas kos (*on-cost charges*) oleh Kerajaan bagi menyiapkan Kerja; dan Amaun kerugian langsung dan / atau kerosakan kepada Kerajaan akibat dari penamatan.

## PENGIRAAN HARGA KONTRAK DARIPADA KEMUNGKIRAN AM

– **Pengiraan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras Meliputi Jumlah Seperti Dibawah:**

- Berikut adalah bayaran yang akan dibuat kepada kontraktor seandainya pengambilan kerja kontraktor tidak ditamatkan. Bagi menentukan **Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal,** perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira[19]:

  » **Semua Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan kepada Kontraktor** sebelum pengambilan kerjanya ditamatkan, tidak kira samada APK berkenaan telah dilaksanakan atau tidak.

  » **Jumlah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang dikenakan ke atas kontraktor** berdasarkan tempoh dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Jumlah ini hendaklah dipotong dalam pengiraan.

  » **Bayaran-Bayaran lain yang dibenarkan di dalam kontrak yang mengakibatkan pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal** seandainya pengambilan kerja Kontraktor tidak ditamatkan.

  » **Jumlah yang dibayar kepada** Sub-Kontraktor Yang Dinamakan atau Pembekal Yang Dinamakan

  » **Lain-lain kos atau perbelanjaan mempelawa semula tender** yang ditanggung atau akan ditanggung termasuk caj ke atas kos (*on-cost charges*) oleh Kerajaan bagi menyiapkan Kerja; dan

  » Amaun kerugian langsung dan / atau kerosakan kepada Kerajaan akibat dari penamatan.

## PENGIRAAN HARGA KONTRAK DARIPADA KEMUNGKIRAN AM

– **Pengiraan Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras Meliputi Jumlah Seperti Dibawah:**

- Berikut adalah bayaran yang akan dibuat kepada kontraktor seandainya pengambilan kerja kontraktor tidak ditamatkan. Bagi menentukan Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal, perkara-perkara berikut hendaklah diambil kira:

  » **Semua Arahan Perubahan Kerja (APK) yang dikeluarkan kepada Kontraktor sebelum pengambilan kerjanya ditamatkan, tidak kira samada APK berkenaan telah dilaksanakan atau tidak.**

  » **Jumlah Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang dikenakan ke atas kontraktor berdasarkan tempoh dan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan. Jumlah ini hendaklah dipotong dalam pengiraan.**

  » **Bayaran-Bayaran lain yang dibenarkan di dalam kontrak yang mengakibatkan pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal seandainya pengambilan kerja Kontraktor tidak ditamatkan.**

## PENGELUARAN AKAUN MUKTAMAD

- Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatkan Pengambilan Kerja Kontraktor mengikut **Syarat-syarat Kontrak JKR P.W.D 203 dan 203A (Rev.2007), Perakuan Muktamad Kontrak Yang Ditamatan Pengambilan Kerja Kontraktor menunjukkan antara lain :**
  - **Kos Penyiapan di mana kos ini meliputi :**
    - **Jumlah bayaran wang pendahuluan;**
    - **Jumlah bayaran interim yang telah dibayar kepada kontraktor asal;**
    - **Jumlah bayaran yang kena dibayarkepadasubkontraktor, pembekal, dan sebagainya**
    - **Jumlah Harga Kontrak Baru;**
    - **Kos mempelawa semula tender;**
    - **Kos kerugian kepada Kerajaan;**
    - **Caj ke atas kos (*on-cost charges*).**

## PENGELUARAN AKAUN MUKTAMAD

- **Kos mempelawa semula tender;**
- **Kos kerugian kepada Kerajaan;**
- **Caj ke atas kos (*on-cost charges*).**

- **Jumlah Harga Kontrak Asal Terlaras yangi meliputi :**
  - **Jumlah Harga Kontrak Asal;**
  - **Nilai Bersih Pelarasan Jumlah Harga Kontrak Asal;**
  - **Potongan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan,yang dikenakan terhadap Kontraktor Asal;**
  - **Bayaran-bayaran lain yang dibenarkan di dalam Kontrak.**

## PENGELUARAN AKAUN MUKTAMAD

- Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah **menunjukkan perbezaan di antara Harga Kontrak Asal Terlaras dan Kos Penyiapan. Sekiranya Harga Kontrak Asal Terlaras kurang dari Kos Penyiapan, perbezaan tersebut hendaklah menjadi hutang yang harus dibayar oleh Kontraktor kepada Kerajaan, dan jika sebaliknya, hutang tersebut harus dibayar oleh Kerajaan kepada Kontraktor.**

- **Perakuan Kontrak Yang Ditamatkan hendaklah mengikat dan muktamad ke atas Kontraktor sebagai amaun kerugian dan gantirugi.**

- Sekiranya penyiapan kerja **dibuat secara Jabatan**, amaun untuk diperakukan sebagai kos dan perbelanjaan yang **ditanggung oleh Kerajaan hendaklah**
  **termasuk kos penyeliaan, faedah dan susutnilai loji dan perbelanjaan asas (*overhead*) dan keuntungan seolah-olah kerja disiapkan oleh Kontraktor atau pihak lain.**

CLAUSE **55**

## CERTIFICATE OF TERMINATION COSTS

55.1 Being issued by S.O stating Completion Cost & Final Contract Sum

Shall be binding & conclusive as the amount of such loss or damage being spelled.

CLAUSE **56**

## SURVIVING RIGHTS

Any termination shall not affect liability of both parties & shall keep indemnified of any claims between the parties.

CLAUSE 57

## EFFECT OF FORCE MAJEURE

57.1 Neither parties shall be in breach in event of Force Majeure

57.2 Event beyond control of both parties: *As listed*

57.3 Both parties shall inform another with particulars & consequences

57.4 If event continues for such time, parties may agree upon mutual termination

57.5 Then, neither parties have claims against another

CLAUSE 58

## SITE AGENT & ASSISTANTS

Contractor to keep on Site a as:

- Competent
- Efficient
- Suitability Qualified
- Experienced
- Good Character

← Site Agent & assistants

Any directions, explanations or instructions given to Site Agent by S.O deemed to have been given to Contractor.

CLAUSE

## 59 NOMINATED SUB-CONTRACTORS & SUPPLIERS

59.1 S.O shall obtain tenders for NSC & NS & Contractor shall enter into sub-contracts upon instruction

In the case of unability to appoint NSC or NS, S.O may:
- (a) nominate alternative NSC or NS
- (b) issue Variation to Contractor
- (c) allow Contractor to participate in tenders

CLAUSE

## 60 PAYMENT TO NSC OR NS

60.1 Direct payment to NSC or NS deemed to be payment to Contractor under this Contract

Payment to Contractor under sub-contract deemed to be to NSC or NS.

CLAUSE

## 61 NO LIABILITY OF GOVT TO NSC OR NS

Govt not liable to NSC or NS.

CLAUSE

## 62 RESPONSIBILITIES OF CONTRACTOR TO NSC OR NS

62.1 Contractor to fully responsible to ensure NSC or NS deliver as stated in sub-contract

62.2 In the event of determination, Contractor may:
- (a) employ another subs with S.O's consent
- (b) undertake to complete the works

NO additional sum to be added in any options.

CLAUSE

## 63 INTELLECTUAL PROPERTY RIGHTS

Copyrights in the Works shall be sole property of Govt & free & clear of all liens, claims & encumbrances. Contractor shall indemnify Govt against any claim on copyright by use of equipment use in the Works.

CLAUSE
**64**

## ANTIQUITIES

Fossils, coins, antiquities & objects of interest & value found on site or excavation to become govt property. Contractor not to disturb or change. To inform S.O. for further action.

CLAUSE
**65**

## ARBITRATION

65.1 If any dispute arises, Govt & Contractor shall refer to officer named in Appendix for decision

65.2 Regardless of the decision, Contractor shall proceed with Works

65.3 If decisions given in 45 days are dissatisfied between parties, then to refer to arbitrator

Decision of arbitrator on costs & award shall be final.

CLAUSE
**66**

## NOTICE, ETC.

Notice, approval, consent, request or other communication shall be in Bahasa Malaysia or English. Parties to notify change of address within 14 days or deemed to be received if sent as in Contract.

## OTHER CLAUSES

67 Amendment
68 Confidentiality
69 Stamp Duty
70 Severability
71 Waiver
72 Laws Applicable
73 Successors Bound
74 Epidemics & Medical Attendance
75 Technology Transfer
76 General duties & Performance Standard
77 Restriction on Use of Imported Materials
78 Time


thank you
JKR
CONTRACT
203A